

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI HASBI BIN HAJI  
HABIBOLLAH [ LIMBANG ]**

**TARIKH : 20 NOVEMBER 2019 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN HAJI HASBI BIN HAJI HABIBOLLAH [ LIMBANG ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan dapatkah Kementerian menambah baik sistem liputan rangkaian telefon di bahagian Limbang yang sekarang ini sering kali mengalami masalah untuk mendapatkan rangkaian terutamanya di kawasan luar bandar dan signal yang tidak lancar (terputus-putus) termasuk di kawasan bandar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pihak Kerajaan sentiasa memberi tumpuan kepada pembangunan infrastruktur komunikasi di seluruh negara termasuklah di Parlimen Limbang.
2. Di bawah inisiatif Peluasan Liputan Selular dan Jalur Lebar Mudah Alih, antara penambahbaikan yang telah dilaksanakan oleh SKMM adalah melibatkan pembinaan menara komunikasi baharu dan penaiktarafan menara komunikasi sedia ada kepada perkhidmatan sehingga 4G.
3. Sehingga kini, sebanyak 9 menara komunikasi baharu telah siap dibina dan beroperasi di Parlimen Limbang, manakala sebanyak 2 menara komunikasi baharu sedang dalam peringkat pelaksanaan.
4. Inisiatif ini merupakan tambahan 32 menara yang dibangunkan secara komersial oleh pemberi perkhidmatan di Parlimen Limbang. Di samping itu, sebanyak 25 lokasi menara sedia ada di Parlimen Limbang telah dinaiktaraf kepada perkhidmatan 3G/4G.
5. Secara amnya, liputan rangkaian di Bandar Limbang adalah memuaskan. Walaubagaimanapun mungkin terdapat gangguan dari semasa ke semasa disebabkan oleh faktor-faktor di luar kawalan pembekal perkhidmatan telekomunikasi. SKMM telah berkerjasama dengan pihak-pihak berkaitan di Sarawak bagi menangani masalah ini termasuklah menjalankan pemantauan lanjut di kawasan Limbang.